

21/09/1998

Anwar Ibrahim ditahan (HL)

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Anwar Ibrahim ditahan polis malam ini dan akan dihadapkan ke mahkamah pagi esok atas beberapa tuduhan termasuk mengancam keamanan, perhimpunan haram dan vandalisme.

Ketua Pemuda Umno Negeri Sembilan, Ruslan Kassim, yang sentiasa bersama Anwar dalam ceramah reformasinya di seluruh negara, juga ditahan.

Anwar dibawa keluar dari rumahnya di No 8, Jalan Setiamurni 1, Bukit Damansara dekat sini dengan sebuah van putih pada jam 9.56 malam. Sebelum itu Ruslan yang turut berada di rumah Anwar, dibawa dengan sebuah van lain kira-kira jam 9.30 malam.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Kamaruddin Ali, berkata Anwar dan Ruslan ditahan bagi membolehkan polis menyiasatnya kerana terbabit dengan beberapa kesalahan jenayah.

"Polis telah mengambil tindakan untuk mententeramkan keadaan dan keadaan adalah terkawal," katanya.

Beliau juga berkata, beberapa kejadian mengancam keamanan, perhimpunan haram, kekerasan jenayah dan merusuh telah tercetus di beberapa tempat di Kuala Lumpur petang ini.

"Angkara ini dicetuskan oleh penyokong Anwar," katanya kepada pemberita di sini, malam ini.

Beliau berkata, sewaktu ditangkap Anwar memberi kerjasama dan tidak ada tentangan.

Polis juga berkata tiada sebarang kecederaan sewaktu rusuhan berlaku, tetapi Kamaruddin mengesahkan ada beberapa kerosakan kecil seperti di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Lewat malam ini, isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, muncul dari dalam rumah mereka untuk berucap kepada penyokong Anwar yang masih berkumpul di situ.

Menurut Dr Wan Azizah, beliau dan Anwar serta anggota keluarga yang lain dibawa polis dengan menaiki sebuah van, sebelum Anwar dipindah ke dalam kenderaan lain.

Azizah berkata, beliau dan beberapa peguam mengekori kenderaan itu hingga ke Bukit Aman, tetapi beliau dan peguamnya tidak dibenar bertemu suaminya.

"Selepas beberapa ketika di Bukit Aman, Datuk Jamil Johari (Pengarah Pengurusan Polis) menemui saya dan memberi jaminan polis akan bertindak secara profesional dan Anwar akan diberi layanan yang baik," katanya.

Sementara itu, peguam Anwar, Zainur Zakaria dan Christopher Fernando, berkata bekas Timbalan Perdana Menteri itu juga dijangka menghadapi tuduhan salah laku seksual.

Semalam, rakannya, Dr Munawar Ahmad Anees dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasnitaat Madja, dihukum penjara enam bulan oleh Mahkamah Sesyen di sini selepas mengaku bersalah membenarkan Anwar meliwat mereka.

Seorang lagi peguam Anwar, Pawancheek Marican, berkata Anwar ditahan mengikut Seksyen 377D Kanun Keseksaan mengenai hubungan liwat.

"Saya tak tahu ke mana Anwar dibawa, tetapi polis ada beritahu Anwar akan didakwa di mahkamah esok," kata Pawancheek.

Polis tiba di rumah Anwar pada jam 9 malam dan beliau dibawa keluar dari rumah tanpa digari kira-kira sejam kemudian.

Beberapa jam sebelum itu, Anwar yang dalam siri jelajah ke seluruh negara untuk menjelaskan gerakan reformasi dan isu pemecatannya, mengadakan ceramah di kawasan Masjid Negara.

Anwar dan penyokongnya turut berarak ke Dataran Merdeka. Sebahagian penyokongnya juga berarak ke kediaman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) terpaksa bertindak melepaskan gas pemedih mata dan pancutan air apabila kira-kira 2,000 penyokong Anwar yang berarak ke Sri Perdana enggan bersurai selepas beberapa kali diberi amaran.

Kira-kira 100 anggota FRU dikerah ke situ untuk mengawal keadaan. Penyokong Anwar akhirnya bersurai tanpa kejadian tidak diingini. Keadaan di rumah Anwar juga terkawal.

Sebelum ditahan, sekumpulan 50 anggota polis memasuki perkarangan rumah Anwar kira-kira jam 8.55 malam sambil meminta orang ramai bersurai. Anggota polis juga membuat barisan untuk membentuk satu lorong bermula di hadapan rumah Anwar sehingga ke jalan besar.

Ketika itu orang ramai yang berkumpul sepanjang jalan besar berdekatan Masjid Saidina Omar Al-Khatib, melaungkan 'Allahu Akhbar' serta teriakan reformasi dan menyanyikan lagu Negaraku, Barisan Kita dan Allah Selamatkan Anwar.

(END)